



Ayat Suci Minggu ini

Yesaya 55: 1-3
Mazmur 144: 8-9, 15-18
Roma 8: 35, 37-39
Matius 14: 13-21



DOA:

Tuhan, semoga haluan pastoral yang muncul daripada penimbangan rasa kami dalam MPC 2026 memperkaya dan menguatkan komuniti iman tempatan kami.

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 31/2026

MPC merupakan hasil daripada perhimpunan para klerus, religius, belia, paroki, vikariat atau dekenat, keuskupan, dan wilayah kita. Melalui perhimpunan ini, Gereja merenungkan empat bidang pastoral utama, iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi, dan Masyarakat, sambil berusaha memahami bagaimana kita dipanggil untuk bergerak maju bersama sebagai Umat Allah.

Di Semenanjung, visi "Cara Baharu Menjadi Gereja" berakar daripada Aggiornamento 1976 yang diadakan di College General, Pulau Pinang, dan terus dikembangkan melalui beberapa Konvensyen Pastoral Semenanjung Malaysia yang diadakan sepanjang beberapa dekad.

Perjalanan itu membantu Gereja di Semenanjung menimbang rasa arah pastoralnya mengikut keperluan zamannya. Sebagai contoh, pada tahun 2016, Gereja menimbang rasa panggilan untuk menjadi inklusif, kreatif dan pembina jambatan. Kini, pada tahun 2026, MPC memperluas perjalanan ini dengan menghimpunkan Sabah, Sarawak, dan Semenanjung.

Daripada memperkenalkan sesuatu yang baharu sepenuhnya, MPC 2026 berusaha memperdalam apa yang sudah dihayati oleh Gereja. Empat bidang pastoralnya berakar kukuh dalam ajaran Gereja, dengan mengambil inspirasi daripada *Amoris Laetitia* dan *Christus Vivit* (Keluarga), *Evangelii Gaudium* (Gereja), *Fratelli Tutti* (Masyarakat), dan *Laudato Si'* (Ekologi).

Apa yang mungkin berbeza ialah penekanan pastoral yang muncul. Kehidupan keluarga berbeza-beza di seluruh Malaysia. Cabaran yang dihadapi oleh keluarga di paroki luar bandar dan bandar, atau di tempat seperti Johor Bahru yang mana ramai ibu bapa berulang-alik setiap hari ke Singapura untuk bekerja, adalah berbeza daripada cabaran di Pulau Pinang, Melaka, Sibul, Kuching, Kota Kinabalu, atau Sandakan.

Oleh itu, MPC 2026 berusaha menerima ajaran sejagat Gereja ke dalam realiti kehidupan Malaysia yang nyata. Dengan menimbang rasa bersama dalam budaya, bahasa, pergumulan, dan harapan kita sendiri, kita terus berkembang dalam cara menjadi Gereja yang benar-benar bersifat Malaysia, iaitu Gereja yang bersatu dalam kepelbagaian, berakar dalam Injil, dan komited untuk menjadi relevan, hidup, danewartakan Injil dalam dunia hari ini. ✝

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Biasa Ke-18 | 2 Ogos 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN:
MASYARAKAT:
Kesatuan Dalam
Kepelbagaian



Dari 9 hingga 13 September 2026, kira-kira 800 peserta dari seluruh Malaysia akan berkumpul di Sibul untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 yang pertama. Mewakili sembilan keuskupan dari Sabah, Sarawak, dan Semenanjung, mereka akan berhimpun bersama untuk berdoa, mendengar, menimbang rasa, dan bertanya apakah yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada Gereja di Malaysia pada hari ini berhubung arah kehidupan dan tindakan pastoral kita.